

AMANAT
YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SEMPENA
MESYUARAT MAJLIS STANDARD DAN
AKREDITASI MALAYSIA (MSDAM) BIL. 1/2016

DI JABATAN STANDARD MALAYSIA
RABU, 9 MAC 2016

YBHG. DATO' SRI DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR
Ketua Setiausaha MOSTI

YBHG. TAN SRI MUSTAFA MANSUR
Pengerusi Majlis Standards dan Akreditasi Malaysia (MSDAM)

YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN
Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia

Ahli-ahli MSDAM yang saya hormati sekalian.

Selamat pagi, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1MOSTI.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Standard Malaysia kerana telah sudi mengundang saya ke majlis ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada semua jemputan dan anggota MSDAM di atas kesudian YBhg. Tan Sri / Dato' Sri / Datuk / Tuan / Puan untuk hadir ke majlis pada hari ini. Ini merupakan kunjungan saya yang pertama ke Jabatan Standard Malaysia dan juga pertemuan pertama saya dengan ahli-ahli MSDAM.

2. Saya dimaklumkan bahawa MSDAM adalah sebuah majlis yang ditubuhkan berdasarkan **Sub-seksyen 13(1), Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549)** yang bertanggungjawab untuk menasihati

Menteri MOSTI berkenaan dengan dasar, program dan aktiviti standardisasi dan akreditasi negara. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi tahniah kepada YBhg. Tan Sri / Dato' Sri / Datuk / Tuan / Puan di atas pelantikan sebagai ahli MSDAM.

3. Suka saya tegaskan bahawa peranan MSDAM adalah penting bagi memastikan agenda dan pelaksanaan aktiviti standardisasi dan akreditasi dalam menyokong dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju sejajar dengan Program Transformasi Ekonomi Negara (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP). Seiring dengan Model Ekonomi Baru (NEM), **isu standard dan akreditasi kini merupakan pemangkin utama untuk melonjakkan daya saing sektor perindustrian, khususnya, bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).**

4. Saya amat teruja apabila melihat **peranan Jabatan Standard Malaysia diberikan perhatian khusus oleh Kerajaan dalam RMKe-11** yang merupakan fasa terakhir ke arah merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan inklusif pada tahun 2020. **Perkhidmatan standardisasi dan akreditasi merupakan elemen penting yang telah dikenal pasti dalam melonjakkan pertumbuhan sosio-ekonomi negara dan menjadi teras utama dalam menyokong bidang-bidang fokus utama seperti pembangunan PKS, peningkatan logistik dan fasilitasi perdagangan, pengukuhan sektor pembuatan, penggunaan tenaga secara mampan dan mentransformasikan sektor perkhidmatan.**

5. Bukan itu sahaja, dengan termeterainya **Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA)** peranan Jabatan Standard

Malaysia menjadi begitu penting sekali. Seperti semua sedia maklum, bagi menjadikan akses pasaran yang lebih luas kepada pihak industri terutamanya PKS, pematuhan standards adalah satu kemestian. Oleh itu, **Jabatan Standard Malaysia perlu bertindak pantas bagi memastikan produk keluaran Malaysia atau syarikat Malaysia mematuhi *global standards* yang diterima pakai oleh pasaran antarabangsa.**

6. Saya dimaklumkan bahawa berdasarkan **pencapaian KPI tahun 2015, sebanyak 1052 buah syarikat telah berjaya mendapatkan pensijilan bagi standard-standard *horizontal* seperti sistem pengurusan kualiti (QMS), sistem pengurusan alam sekitar (EMS), sistem pengurusan keselamatan makanan (FSMS), sistem pengurusan keselamatan maklumat (ISMS) dan sistem analisis bahaya dan titik kawalan kritikal (HACCP).** Maka, untuk tahun ini dan seterusnya, saya ingin melihat lebih banyak bilangan syarikat yang mendapat persijilan standard horizontal tersebut. Menerusi pensijilan tersebut, kualiti perkhidmatan dan produk akan menjadi lebih terjamin dan seterusnya dapat meningkatkan tahap kepercayaan pengguna serta meningkatkan akses kepada pasaran dalam dan luar negara.

7. Saya juga sedia maklum bahawa **Jabatan Standard hanya membangunkan standards tetapi keputusan untuk menjadikan sesuatu standards itu mandatori adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian dan Jabatan berkenaan.** Sehubungan itu, saya menyeru supaya Jabatan Standard bekerjasama dengan Kementerian dan Jabatan lain ke arah **meningkatkan tahap kesedaran masyarakat mengenai standard.**

8. Akhir sekali, saya yakin dengan kepakaran dan pengalaman YBhg. Tan Sri Mustafa Mansur, YBhg. Dato' Sri Dr. KSU MOSTI dan ahli-ahli MSDAM dalam memimpin serta memacu bidang standardisasi dan akreditasi ke suatu tahap yang membanggakan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Diharapkan YBhg. Tan Sri / Dato' Sri / Datuk / Tuan / Puan dapat memberikan komitmen yang tinggi dengan penuh dedikasi dan memainkan peranan yang lebih proaktif dalam merangka dasar-dasar yang kondusif bagi menjayakan visi dan misi MOSTI dan Malaysia.

Sekian, Terima kasih.